

Akademi baru bantu persiap golongan inovator masa depan



BERTUKAR PANDANGAN: Encik Heng (*tengah*) sedang berbual-bual dengan beberapa pelajar dan pemilik syarikat pemula daripada Universiti Teknologi Nanyang (NTU) di acara Minggu Inovasi dan Teknologi Singapura (Switch) di Pusat Konvensyen Marina Bay Sands semalam. – Foto BH oleh GAVIN FOO

DALAM rangka mempersiapkan golongan inovator masa depan yang berpandangan sejagat, sebuah akademi baru telah ditubuhkan untuk menghantar pelajar Singapura ke luar negara bagi mengikuti latihan di syarikat baru dalam bidang keusahawanan dan inovasi.

Mengumumkan demikian di pembukaan Minggu Inovasi dan Teknologi Singapura (Switch) semalam, Menteri Kewangan, Encik Heng Swee Keat, berkata Akademi Innovators Alliance Inovator Global, yang dilancarkan Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB), merupakan antara beberapa inisiatif baru yang diperkenalkan bagi membantu inovator di Singapura membangun keupayaan teknologi mereka dan bekerjasama dengan pihak lain di seluruh dunia.

Akademi itu akan menyelaraskan latihan di 17 bandar raya kepada lebih 1,300 pelajar daripada universiti

autonomi dalam beberapa tahun akan datang.

Ia akan mempertingkatkan program luar negara dengan pembiayaan dan rangkaian.

Encik Heng berkata: “Dengan mendedahkan pelajar Singapura kepada pelbagai ekosistem inovasi di luar negara, Akademi Inovator berharap dapat memupuk golongan inovator dan pemimpin perniagaan masa depan dengan perspektif sejagat.”

Acara Switch berlangsung hingga Khamis ini di Pusat Konvensyen Marina Bay Sands dan dijangka menarik lebih 10,000 pengunjung.

Sementara itu, Enterprise Singapore telah membangunkan rangkaian yang dipanggil Startup SG Network bagi memudahkan pihak di seluruh dunia mencari dan berhubung dengan usahawan Singapura.

Pangkalan data itu, khususnya ba-

gi syarikat baru teknologi, bermula semalam.

Lebih 2,600 syarikat daripada lebih 30 sektor teknologi mendaftar.

Encik Heng berkata: “Dengan menyenaraikan profil dan sumber-sumber pada satu wadah, Startup SG Network membolehkan syarikat baru Singapura mencari dan membuat jalinan dalam ekosistem kita, dan meletakkan mereka dalam radar pemain sejagat, mengembangkan peluang pertumbuhan mereka.”

Untuk mengembangkan sektor kejuruteraan kuantum Singapura, Yayasan Penyelidikan Kebangsaan (NRF) juga telah membangunkan Program Kejuruteraan Kuantum Kebangsaan, yang dilancarkan untuk menterjemahkan sains kuantum ke dalam industri.

Program \$25 juta itu akan dibentuk dan ditempatkan di Universiti Nasional Singapura (NUS), kata Encik Heng.

Ia akan menjalankan penyelidikan dalam bidang seperti kriptografi kuantum, melindungi ancaman keselamatan siber, membina keupayaan pengilangan maju dan teknologi imbasan dan yang lebih baik.

Mengenai Switch, Encik Heng berkata himpunan teknologi dan inovatif Asia itu akan menyediakan peluang bagi pertukaran idea dan inovasi di seluruh sektor dan negara.

Acara itu dianjurkan NRF dan Enterprise Singapore. Ia memaparkan pameran dan aktiviti di bawah tema teknologi, keusahawanan, pembiayaan usaha dan teknologi gaya hidup.

Antara pameran adalah peranti yang menjalankan analisis imej automatik bagi penyakit mata, robot yang didorong kecerdasan buatan dan sofwe yang dapat mengenali emosi.